

GAGASAN 1MALAYSIA DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PERHUBUNGAN ANTARA ETNIK

A.TARMIZI TALIB, SARJIT S. GILL, JAYUM A. JAWAN, ZAID AHMAD
& NUR AYUNI ISA

ABSTRAK

Dato Sri Najib Tun Razak telah memperkenalkan Gagasan 1Malaysia pada April 2009 untuk meneruskan agenda mewujudkan perpaduan antara etnik di Malaysia. Objektif kertas ini ialah untuk menilai tahap kefahaman, persepsi dan penglibatan golongan belia terhadap Gagasan 1Malaysia serta implikasinya terhadap perhubungan antara etnik. Persampelan dalam kajian ini terdiri daripada 1000 orang responden iaitu golongan belia yang berumur 18-40 tahun. Kajian ini dilaksanakan di beberapa buah negeri iaitu Zon Utara iaitu Perlis, Kedah dan Penang; Zon Tengah iaitu, Perak dan Selangor; Zon Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan serta Zon Selatan iaitu Melaka dan Johor. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, tahap kefahaman belia terhadap Gagasan 1Malaysia bagi ketiga-tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India adalah di tahap sederhana. Manakala majoriti responden dari etnik Melayu dan India mempunyai persepsi di tahap tinggi iaitu amat positif terhadap Gagasan 1Malaysia berbanding etnik Cina yang mempunyai persepsi di tahap yang sederhana. Dari segi penglibatan belia terhadap program-program Gagasan 1Malaysia secara keseluruhannya adalah sangat rendah. Majoriti etnik Melayu dan Cina mempunyai tahap hubungan yang sederhana dengan kelompok etnik yang lain, manakala bagi etnik India, majoritinya mempunyai tahap hubungan yang tinggi. Kefahaman responden terhadap Gagasan 1Malaysia mempunyai hubungan yang signifikan terhadap perhubungan antara etnik. Semakin tinggi tahap kefahaman terhadap Gagasan 1Malaysia maka semakin baik perhubungan antara etnik.

Kata Kunci: Belia, Kefahaman, Persepsi, Penglibatan, Gagasan 1Malaysia, Hubungan Etnik.

ABSTRACT

The prime minister of Malaysia, Dato Sri Najib Tun Razak has introduced Gagasan 1Malaysia on April 2009 to persist an agenda constructing the unity amongst the ethnic in Malaysia. The objective is to evaluate level of understanding, perception, and involvement amongst youth generation towards Gagasan 1Malaysia also its implications to the relation amongst ethnic. Sample of the research were consist of 1000 respondents from group of youth, aged 18-40 years old. The research was take place in some of region in Northern Zone which is Perlis, Kedah and Penang; Middle zone, Perak and Selangor; east zone were Pahang, Terengganu and Kelantan also Southern Zone which is Malacca and Johor. Finding of this research indicates the level of understanding of the youth towards Gagasan 1Malaysia for 3 major ethnics

in Malaysia was modest. While, majority of Malay and Indian respondents have the highest perception where as positive level towards Gagasan 1Malaysia compared to Chinese ethnic that having modest perception towards Gagasan 1Malaysia. The involvement of youth in Gagasan 1Malaysia programs aggregately seem to be low. In term of relationship between ethnic, Malay and Chinese seem to have moderate level instead of Indian ethnic that have high level of relationship. Understanding of respondents towards Gagasan 1Malaysia have a significant relationship between ethnic relations which the higher level of understanding of Gagasan 1Malaysia, the better relationships between ethnic.

Keywords: Youth, Understanding, Perception, Participation, Gagasan 1Malaysia, Ethnic Relation.

PENGENALAN

Sejurus selepas mengambil alih tampuk kepimpinan negara dengan menjadi Perdana Menteri yang ke-enam Dato Sri Najib Tun Razak telah memperkenalkan Gagasan 1Malaysia pada April 2009 untuk meneruskan agenda mewujudkan perpaduan antara etnik di Malaysia. Pada mulanya beliau telah melancarkan laman web 1Malaysia¹ dalam usaha mendekati rakyat tanpa penjelasan secara menyeluruh mengenai Gagasan 1Malaysia (G1M). Laman web yang dimuat naik merupakan salah satu pendekatan dalam membawa perubahan baru dalam kepinimpannya. Menurut beliau, idea pembinaan negara atau apa-apa masalah harus di kongsi dan ditangani bersama. Kemudian, pada 15 Jun 2009, barulah G1M diberi takrifan dan penjelasan. G1M menggunakan slogan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” adalah merupakan satu misi bagi mewujudkan rakyat Malaysia yang berdiri, berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia dan mengambil tindakan berdasarkan kebersamaan semua kumpulan etnik yang ada di dalam negara. Setiap etnik mempunyai perbezaan yang besar di mana masing-masing berpegang kepada agamanya, kebudayaan dan bahasanya sendiri. Sebagai sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama, budaya, fahaman politik dan sosioekonomi yang berbeza, ilham atau gagasan yang di bawa beliau amat bertepatan dengan suasana dan keadaan negara pada masa kini. Ia adalah usaha bagi meneruskan kesinambungan pembinaan negara dalam melahirkan rakyat Malaysia yang mempunyai pemikiran, semangat, ideologi dan tindakan yang menjurus kepada satu rupa etnik yang bercirikan Malaysia iaitu bangsa Malaysia.

G1M di perkenalkan bagi tujuan meningkatkan penghayatan rakyat pelbagai etnik dan agama terhadap aspek perpaduan nasional. Semangat keadilan untuk semua rakyat tanpa mengira keturunan, etnik, agama dan latar belakang kehidupan adalah elemen-elemen yang disatukan dalam G1M.

Teras utama yang terdapat dalam G1M ialah mengubah asas perhubungan etnik di Malaysia dari konsep toleransi kepada penerimaan. Transformasi dari toleransi kepada penerimaan merupakan proses untuk mewujudkan penerimaan

¹ www.1Malaysia.com

dalam kepelbagaian. Pelbagai etnik di Malaysia mempunyai cara hidup, amalan dan kebudayaan yang berbeza namun setiap etnik menerima antara satu sama lain sebagai rakan setia dan bersaudara. Teras kedua pula ialah kenegaraan yang bertunjangkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Perlembagaan Persekutuan sebahagiannya adalah merupakan memanifestasikan kepada “kontrak sosial”. Lima prinsip Rukun Negara bertindak sebagai ideologi kebangsaan yang menjadi asas terbaik untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan nasional. G1M menjunjung kesemua peruntukan teras seperti Perkara 3, 4, 152, 153 dan bahagian 2 serta 3 Pelembagaan Persekutuan. Hak-hak istimewa orang Melayu di Semenanjung dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak jelas terpapar, manakala hak kaum bukan Bumiputera juga diberikan dan di pelihara sewajarnya seperti pemberian taraf kewarganegaraan. Walaupun bahasa Melayu diletakkan sebagai bahasa rasmi, perkembangan bahasa-bahasa lain bebas digunakan oleh sesiapa sahaja. Orang bukan Islam bebas menganuti dan mengamalkan agama mengikut kepercayaan agama masing-masing, serta hak asasi rakyat juga terjamin. G1M yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan terlaksana dalam dua aspek utama iaitu penerapan teras-teras perpaduan dan nilai-nilai aspirasi.

Bagi merealisasikan G1M, pelbagai program penjelasan kepada masyarakat telah pun dilaksanakan sejak ia diperkenalkan sehingga kini. Terdapat pelbagai program dalam mempromosikan dan menjayakan G1M bagi mempraktikkan perpaduan dan mengeratkan hubungan antara etnik. Antara program yang dijalankan ialah Meja Bulat Online 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia (KIR1M), Klinik 1Malaysia, Menu 1Malaysia, Amanah Saham 1Malaysia, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA), Perbadanan Program Perumahan 1Malaysia (Prima) Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) Dan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Bagi meimplimentasikan perpaduan melalui G1M, golongan belia perlu diberi fokus yang menyeluruh kerana 42.5% iaitu 28.2juta² penduduk negara ini adalah terdiri daripada golongan belia yang merupakan aset terbesar untuk sesebuah negara berasaskan sumber modal insan.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian yang dibuat oleh Hanum Hassan, Razli Ahmad, dan Azzudin Bahari (2011) mendapati persepsi masyarakat terhadap pelaksanaan Klinik 1Malaysia adalah positif. Malah kajian ini juga menunjukkan pelaksanaan klinik 1Malaysia di kawasan-kawasan yang terpilih adalah berkesan dan di terima oleh masyarakat yang berpendapatan sederhana dan rendah. Dalam mempersoalkan kemampuan Gagasan 1Malaysia pula, Redhuan Tee Abdullah (2009) menimbulkan persoalan apakah sikap bukan Melayu terhadap Melayu mampu digarap untuk mencapai gagasan

² Penduduk berasaskan Banci Penduduk 2010, data yang di peroleh Jabatan Perangkaan kategori umur belia di Malaysia 15-39 tahun.

Malaysia, kerana melalui kajian beliau mendapati persepsi orang bukan Melayu terhadap UMNO tidaklah berada pada tahap sebaik yang disangka oleh UMNO selama ini. Pada pendapat etnik Cina dasar-dasar yang diwujudkan oleh pemerintah memihak kepada orang Melayu (*malay centric*) dan merupakan satu ketidakadilan sosial. Orang Cina mahukan persamaan hak tanpa perlu ada diskriminasi. Konsep adil pada persepsi orang Cina ialah sama rata, sama rasa, sekata serta tanpa perlu ada apa-apa yang mengikatnya seperti sejarah, kontrak sosial dan sebagainya. Menurutnyalah lagi, persepsi yang telah sekian lama bersarang dalam pemikiran orang Cina sukar untuk dipadamkan.

Najib Razak (2010) mengatakan bahawa penghalang terbesar pelaksanaan G1M atau perpaduan nasional yang lebih sempurna adalah kebimbangan serta ketakutan akibat prasangka dan prejudis antara etnik. Seterusnya menurut Sarjit S. Gill, dan Charanjit Kaur (2010) terdapat pelbagai persepsi negatif yang diberikan mengenai G1M terutamanya dalam media baru dan media massa yang cuba mengelirukan dengan memberi tafsiran yang sempit untuk tujuan politik dan memberikan tekanan bagi melemahkan pihak pemerintah antaranya ialah menyamakan Malaysia seperti 'Malaysian Malaysia' yang pernah dipopularkan oleh Menteri Mentor Singapura Lee Kuan Yew.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik mengaplikasikan reka bentuk penyelidikan tinjauan melalui pengumpulan data menggunakan borang soal selidik. Melalui kaedah ini, kadar perolehan semula borang soal selidik kajian adalah tinggi dan berjaya mendapat kerjasama yang baik daripada responden. Penyelidik telah mengaplikasikan teknik persampelan bukan kebarangkalian. Setelah itu, penyelidik telah menggunakan persampelan secara kebetulan atau rawak mudah (*convenience sampling*). Kajian ini dilaksanakan di beberapa buah negeri iaitu Zon Utara iaitu Perlis, Kedah dan Penang; Zon Tengah iaitu, Perak dan Selangor; Zon Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan serta Zon Selatan iaitu Melaka dan Johor. Setiap negeri melibatkan 100 orang responden dan jumlah keseluruhannya adalah 1000 orang responden. Pembahagian item dalam soal selidik merangkumi demografi (8 item); kefahaman (10 item), persepsi (10 item), penglibatan (10 item), perhubungan antara etnik (10 item). Instrumen kajian telah diuji nilai kebolehpercayaan dengan setiap bahagian mempunyai nilai alpha melebihi 0.6.

Bagi menguji kefahaman responden terdapat 10 item yang mengandungi 5 soalan yang benar 5 soalan yang salah mengenai G1M. Antara beberapa contoh item yang disoal ialah Gagasan Malaysia berasaskan kepada prinsip-prinsip Rukun Negara, Gagasan Malaysia menekankan prinsip keadilan sosial kepada semua kaum, terdapat sepuluh nilai-nilai murni dalam Gagasan Malaysia, dan Gagasan Malaysia adalah untuk memupuk perpaduan kaum antara Melayu, Cina dan India sahaja. Bagi bahagian persepsi pula, terdapat 5 soalan positif dan 5 soalan negatif mengenai G1M. Antaranya ialah Gagasan Malaysia merupakan suatu

pendekatan yang baik untuk perpaduan kaum, Gagasan 1Malaysia sesuai untuk dipraktikkan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia, Perbezaan ideologi politik mampu menghalang kejayaan gagasan 1Malaysia, dan Gagasan 1Malaysia boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati antara kelompok etnik di Malaysia. Bagi bahagian penglibatan terdapat empat bahagian iaitu kehadiran, kekerapan kehadiran, keperluan program untuk diri sendiri dan keperluan program untuk orang lain. Antara program yang disenaraikan ialah Klinik 1Malaysia, Menghadiri Latihan & Kursus Anjuran Gagasan 1 Malaysia, Menyertai Meja Bulat Online 1Malaysia, Mengunjungi Kedai 1Malaysia dan lain-lain lagi.

Data kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk memaparkan taburan data seperti latar belakang demografi dan untuk mengukur tahap kefahaman, persepsi, penglibatan dan perhubungan antara etnik dalam kalangan etnik. Manakala analisis inferensi iaitu ujian ANOVA digunakan untuk membezakan skor-skor min bagi sampel kajian yang terlibat. Ujian Regresi berganda digunakan untuk membuat satu pertalian antara variabel bersandar iaitu perhubungan antara etnik dengan variabel tidak bersandar iaitu kefahaman, persepsi dan penglibatan.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Latar Belakang Demografi Responden Belia

No.	Latar Belakang Demografi	N	%
1	Umur		
	18-25	719	71.9
	26-35	232	23.2
	36-40	49	4.9
2	Jantina		
	Lelaki	372	37.2
	Perempuan	628	62.8
3	Etnik		
	Melayu	665	66.5
	Cina	250	25.0
	India	85	8.5
4	Agama		
	Islam	669	66.9
	Buddha	228	22.8
	Hindu	72	7.2
	Kristian	31	3.1

Nota: (N) mewakili bilangan responden dan (%) mewakili peratus.

Sumber : *Data Kerja Lapangan 2012*

Responden terdiri daripada belia yang berumur 18-40 tahun. Umur responden dibahagikan kepada tiga kelas umur iaitu, 71.9% (719) responden berumur dalam lingkungan 18-25 tahun, diikuti 23.2% (232) berumur dalam lingkungan 26-35 tahun dan 4.9% (49) berumur dalam lingkungan 36-40 tahun. Dari segi jantina, lebih separuh responden iaitu 62.8% (628) adalah perempuan manakala 37.2% (372) adalah lelaki. Majoriti responden adalah Melayu iaitu mencakupi 66.5% (665) daripada keseluruhan responden, diikuti etnik Cina 25% dan India 8.5% (85). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa 66.9% (669) responden adalah beragama Islam, diikuti 22.8% (228) beragama Buddha, 7.2% (72) beragama Hindu dan 3.1% (31) beragama Kristian.

Jadual 2: Tahap Kefahaman Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia Berdasarkan Etnik

Etnik	Rendah		Sederhana		Tinggi	
	N	%	N	%	N	%
Melayu	194	29.2	334	50.2	137	20.6
Cina	82	32.8	107	42.8	61	24.4
India	20	23.5	51	60.0	14	16.5

Nota: (N) mewakili bilangan responden dan (%) mewakili peratus.

Sumber : Data Kerja Lapangan 2012

Analisis ini bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman belia terhadap G1M berdasarkan etnik. Keputusan analisis menunjukkan bahawa lebih separuh >50% (334) daripada etnik Melayu mempunyai tahap kefahaman sederhana, diikuti 29.2% (194) responden mempunyai tahap kefahaman yang rendah manakala 20.6 % (137) lagi mempunyai tahap kefahaman yang tinggi. Hasil analisis bagi etnik Cina menunjukkan 42.8% (107) responden mempunyai tahap kefahaman yang sederhana, diikuti 32.8% (82) berada di tahap pemahaman yang rendah dan 24.4% (61) berada di tahap pemahaman yang tinggi. Majoriti responden daripada etnik India menunjukkan kefahaman mereka berada di tahap sederhana 60% (51), 23.5% (20) berada di tahap rendah dan 16.5% (14) berada di tahap tinggi. Secara keseluruhan, pengkaji menyimpulkan bahawa tahap kefahaman belia terhadap G1M bagi ketiga-tiga etnik utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India berada di tahap sederhana.

Jadual 3: Tahap Persepsi Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia Berdasarkan Etnik

Etnik	Rendah		Sederhana		Tinggi	
	N	%	N	%	N	%
Melayu	10	1.5	293	44.1	362	54.4
Cina	1	.4	144	57.6	105	42.0
India	-	-	42	49.4	43	50.6

Nota: (N) mewakili bilangan responden dan (%) mewakili peratus.

Sumber : Data Kerja Lapangan 2012

Dalam bahagian ini pengkaji akan mengukur persepsi belia terhadap G1M mengikut etnik. Majoriti responden bersetuju terhadap pernyataan yang positif berbanding pernyataan negatif. Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 54.4% (362) daripada etnik Melayu mempunyai persepsi yang tinggi iaitu positif terhadap G1M, diikuti 44.1% (293) berada di tahap sederhana dan hanya 1.5% (10) berada di tahap rendah. Dapatan kajian bagi etnik Cina pula menunjukkan majoriti responden iaitu 57.6% (144) berada di tahap sederhana diikuti 42% (105) berada di tahap tinggi dan 0.4% (1) berada di tahap rendah. Hasil analisis bagi etnik India menunjukkan lebih satu perdua iaitu 50.6% (43) responden berada di tahap tinggi iaitu persepsi yang positif terhadap G1M manakala 49.4% (42) berada di tahap sederhana. Secara keseluruhan majoriti responden etnik Melayu dan India mempunyai persepsi yang positif terhadap G1M. Manakala etnik Cina mempunyai persepsi di tahap yang sederhana.

Jadual 4: Tahap Penglibatan Belia Terhadap Gagasan 1Malaysia Berdasarkan Etnik

Etnik	Rendah		Sederhana		Tinggi	
	N	%	N	%	N	%
Melayu	391	58.8	163	24.5	111	16.7
Cina	171	68.4	48	19.2	31	12.4
India	49	57.6	20	23.5	16	18.8

Nota: (N) mewakili bilangan responden dan (%) mewakili peratus.

Sumber : *Data Kerja Lapangan 2012*

Keputusan analisis deskriptif bagi penglibatan belia terhadap program G1M menunjukkan majoriti responden daripada etnik Melayu mempunyai tahap penglibatan yang rendah terhadap program G1M, diikuti 24.5% (163) responden berada di tahap sederhana dan 16.7% (111) berada di tahap tinggi. Dapatan kajian bagi etnik Cina menunjukkan 68.4% (171) penglibatan responden berada di tahap rendah diikuti 19.2% (48) berada di tahap sederhana dan 12.4% (31) berada di tahap tinggi. Keputusan analisis etnik India adalah selari dengan etnik Melayu dan Cina iaitu majoriti etnik India 57.6% (49) berada di tahap rendah berkenaan penglibatan mereka terhadap G1M, manakala 23.5% (20) berada di tahap sederhana dan 18.8% (16) berada di tahap tinggi. Secara keseluruhan, disimpulkan bahawa tahap penglibatan belia terhadap program-program G1M adalah rendah bagi semua etnik.

Jadual 5: Tahap Perhubungan Antara Etnik

Etnik	Rendah		Sederhana		Tinggi	
	N	%	N	%	N	%
Melayu	156	23.5	315	47.4	194	29.2
Cina	54	21.6	117	46.8	79	31.6
India	18	21.2	29	34.1	38	44.7

Nota: (N) mewakili bilangan responden dan (%) mewakili peratus.

Sumber : *Data Kerja Lapangan 2012*

Keputusan analisis menunjukkan majoriti responden etnik Melayu iaitu 47.4% (38) berada di tahap sederhana dalam kontak perhubungan di antara etnik, diikuti 29.2% (194) mempunyai tahap perhubungan yang tinggi dan 23.5% (156) berada di tahap rendah. Sementara itu, bagi etnik Cina, 46.8% (117) responden berada di tahap sederhana, 31.6% (79) berada di tahap tinggi dan 21.6% (54) berada di tahap rendah. Berbeza dengan etnik India, majoriti responden daripada etnik India menunjukkan bahawa 44.7% (38) responden berada di tahap tinggi, diikuti 34.1% (29) berada di tahap sederhana dan 21.2% (18) berada di tahap rendah. Secara keseluruhan di dapati majoriti etnik Melayu dan Cina mempunyai tahap hubungan di antara etnik yang sederhana, manakala bagi etnik India majoriti mempunyai tahap hubungan di antara etnik yang tinggi.

Jadual 6: Hubungan di Antara Tahap Kefahaman Belia Terhadap G1M dengan Perhubungan Antara Etnik

Model 1

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistics				
					R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.087	.008	.005	.49999	.008	2.533	3	996	.056
2	.098	.010	.006	.49973	.002	2.015	1	995	.156

Sumber : Data Kerja Lapangan 2012

ANOVA^c

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	1.899	3	.633	2.533	.056a
	Residual	248.985	996	.250		
	Total	250.885	999			
2	Regression	2.403	4	.601	2.405	.048b
	Residual	248.482	995	.250		
	Total	250.885	999			

- Peramal: (*Constant*), Penglibatan, Persepsi, Kefahaman
- Peramal: (*Constant*), Penglibatan, Persepsi, Kefahaman, Perhubungan Antara Etnik
- Pembolehubah bersandar: Perhubungan Antara Etnik

Sumber : Data Kerja Lapangan 2012

**Model 2
Coefficients**

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.952	.131		14.938	.000
	Kefahaman	.024	.011	.069	2.113	.035
	Persepsi	.004	.004	.035	1.062	.288
	Penglibatan	.003	.004	.026	.824	.410
2	(Constant)	1.940	.131		14.820	.000
	Kefahaman	.017	.012	.049	1.376	.169
	Persepsi	.004	.004	.038	1.168	.243
	Penglibatan	.003	.004	.027	.855	.393
	Perhubungan	.005	.003	.049	1.420	.156
	Antara Etnik					

Regresi berganda digunakan untuk membuat satu pertalian antara variabel bersandar iaitu perhubungan antara etnik dengan variabel tidak bersandar iaitu kefahaman, persepsi dan penglibatan. Ia juga digunakan untuk menganggar bentuk pertalian yang spesifik antara variabel sama ada ia mempunyai pertalian yang positif atau negatif. Keputusan analisis menunjukkan bahawa Model 1 menerangkan sebanyak 0.8% perubahan varian dalam pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar pada Model 1 adalah tahap kefahaman responden terhadap G1M manakala persepsi dan penglibatan responden terhadap G1M dijadikan sebagai pemboleh ubah kawalan. Hasil analisis pada Model 2 menunjukkan bahawa interaksi antara tahap kefahaman responden terhadap G1M dan etnik menghasilkan perubahan R 'square' sebanyak 0.002 dan nilai sig F 'change' adalah 0.156. Ia menunjukkan interaksi antara kefahaman dan etnik bukan merupakan peramal yang signifikan terhadap perhubungan di antara etnik. Jadual ANOVA menunjukkan kemasukan set pemboleh ubah kawalan menghasilkan model yang signifikan [DF 3,996=2.553, p<0.05]. Seterusnya, didapati bahawa kemasukan interaksi di antara kefahaman dan etnik di dalam model 2 menghasilkan model yang signifikan [DF 4,995 =2.405, p<0.05]. Merujuk kepada jadual regresi didapati interaksi antara etnik dan kefahaman bukan merupakan faktor yang signifikan terhadap perhubungan di antara etnik. Berdasarkan model yang diperolehi, didapati bahawa etnik bukanlah moderator dalam hubungan antara kefahaman responden terhadap G1M dan perhubungan di antara etnik. Walau bagaimanapun, kefahaman responden terhadap G1M mempunyai hubungan yang signifikan terhadap hubungan di antara etnik. Justeru itu, semakin tinggi tahap kefahaman terhadap G1M maka semakin akrab perhubungan di antara etnik.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap kefahaman belia terhadap G1M bagi ketiga-tiga etnik majoriti di Semenanjung Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India berada di tahap sederhana. Melalui tinjauan umum, penjelasan

secara menyeluruh mengenai idea dan matlamat sebenar G1M adalah masih kabur. Perbincangan mengenai G1M sering kali diadakan di peringkat akademik, mahupun media massa kerana masih ramai yang tidak jelas apatah lagi sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik.

Kajian ini dapat menyimpulkan bahawa majoriti responden etnik Melayu dan India mempunyai persepsi positif terhadap G1M berbanding etnik Cina yang mempunyai persepsi di tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa persepsi masyarakat terhadap G1M adalah positif berbanding kenyataan sebelum ini oleh Sarjit S. Gill dan Charanjit Kaur (2010) yang menyatakan terdapat pelbagai persepsi negatif diberikan mengenai G1M terutamanya dalam media baru dan media massa. Dapatan kajian terhadap program-program G1M mendapati bahawa secara keseluruhannya penglibatan belia adalah rendah bagi semua kelompok etnik. Penyelidik berpendapat, program-program yang dianjurkan secara keseluruhannya adalah kurang menarik perhatian, ianya perlukan pendekatan yang berlainan bagi setiap etnik yang berbeza. Ini adalah kerana program-program G1M yang dilaksanakan adalah baru dan kurang menonjol, maka objektif perlaksanaannya yang ingin mengeratkan hubungan di antara etnik dan seterusnya mencapai perpaduan agak terhad.

Perhubungan di antara etnik pula menunjukkan majoriti etnik Melayu dan Cina mempunyai tahap hubungan yang sederhana, manakala bagi etnik India majoriti mempunyai tahap hubungan di antara etnik yang tinggi. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan etnik India merupakan etnik yang mempunyai bilangan penduduk yang kurang berbanding etnik Melayu dan Cina.

RUJUKAN

- Hanum Hassan, Razli Ahmad, Azudin Bahari. (2011) *Kajian Persepsi Masyarakat Terhadap Perlaksanaan Klinik 1Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional (hlm. 709). Kuala Lumpur: Majlis Profesor Negara.
- Najib Tun Razak. (2010). *Jawapan Najib*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara & MPH Group Publishing. Kuala Lumpur: MPH Publishing.
- Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Serdang: Mc Graw Hill.
- Ridhuan T. Abdullah. (2010). "Persepsi Bukan Melayu Terhadap Gerakan Politik Melayu". Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam dalam Masyarakat Malaysia, Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, 5-6 Oktober.
- Sarjit S. Gill & Charanjit Kaur. (2010). Peranan dan Cabaran Mahasiswa Melestarikan Gagasan 1Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol 2, 105-116.

<http://www.1malaysia.com.my/about/about/-1malaysia/> (2012)

<http://www.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/364-1-malaysia/8089-produk-1malaysia.html> (2012)

Profil Penulis

Ahmad Tarmizi Talib, Phd
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduanan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.
tarmizi@putra.upm.edu.my

Sarjit S. Gill, Phd
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.
sarjit@putra.upm.edu.my

Jayum A. Jawan, Phd
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduanan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.
jayum@putra.upm.edu.my

Zaid Ahmad, Phd
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduanan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.
zaid_a@putra.upm.my

Nur Ayuni Binti Mohd Isa
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduanan,
Fakulti Ekologi Manusia,
Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan.
nurayunisa@gmail.com